



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# **PANDUAN PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN MURID**

## **BAHASA ARAB**

### **TAHUN 2**

## **MATLAMAT KURIKULUM BAHASA ARAB**

Objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah bertujuan untuk menanam minat murid mempelajari asas bahasa Arab dan menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi menggunakan ayat mudah.

## **OBJEKTIF KURIKULUM BAHASA ARAB**

Pendekatan Dokumen Standard Kurikulum bagi bahasa Arab adalah untuk mencapai tujuan-tujuan berikut ;

- 1) Mendengar sebutan huruf, perkataan, ayat dan perenggan.
- 2) Menyebut huruf dan perkataan dengan sebutan yang betul.
- 3) Bertutur mengikut situasi tertentu.
- 4) Membaca perkataan, ayat dan perenggan dengan bacaan yang betul.
- 5) Mempraktikkan asas tatabahasa bahasa Arab dalam pertuturan dan penulisan.
- 6) Menghafaz kata-kata hikmah dan perumpamaan yang terpilih dan memperdengarkannya.
- 7) Menggunakan bahasa Arab fushah dalam pertuturan dan penulisan.

BAND	PERNYATAAN STANDARD
1	Mengetahui asas mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
2	Mengetahui dan memahami perkara yang didengar, disebut, dibaca dan ditulis.
3	Mengetahui, memahami dan memberi respons terhadap perkara yang didengar, disebut, dibaca dan ditulis.
4	Mengetahui, memahami dan memberi respons dengan beradab terhadap perkara yang didengar, disebut, dibaca dan ditulis.
5	Mengetahui, memahami dan memberi respons dengan sopan pada situasi yang betul terhadap perkara yang didengar, disebut, dibaca dan ditulis.
6	Mengetahui, memahami dan memberi respons pada situasi yang betul dengan berhemah tinggi terhadap perkara yang didengar, disebut, dibaca dan ditulis.

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
<b>MENDENGAR DAN BERTUTUR</b>	<b>1</b>	Mengecam, mengajuk dan menyebut bunyi huruf yang difokuskan dengan betul.
	<b>2</b>	Mendengar, menyebut dan mengenal pasti bunyi huruf hijaiyyah yang difokuskan dalam pelbagai baris dan <i>harakat</i> dengan betul.
	<b>3</b>	Menyebut dan memahami perkataan, nombor dan bilangan yang didengar dengan betul.
	<b>4</b>	Menyebut dan memahami ayat mudah dengan betul mengikut situasi tertentu.
	<b>5</b>	Memberi respons mengikut intonasi dan tekanan suara yang betul terhadap perkara yang didengar mengikut situasi tertentu.
	<b>6</b>	Mengaplikasi perkataan, nombor, bilangan dan ayat mudah dengan betul mengikut situasi tertentu dengan fasih dan lancar.

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
MEMBACA	1	Membaca dan mengenal pasti huruf hijaiyyah yang difokuskan dalam perkataan dengan betul.
	2	Membaca dan mengenal pasti huruf hijaiyyah pelbagai baris dan <i>harakat</i> dalam perkataan dengan <i>makhraj</i> yang betul.
	3	Membaca dan mengenal pasti perkataan, nombor dan bilangan dengan betul.
	4	Membaca dan memahami ayat mudah mengikut tekanan suara dan intonasi yang betul.
	5	Membaca, memahami dan memberi respons yang betul terhadap ayat mudah dengan tekanan suara dan intonasi mengikut situasi.
	6	Membaca bahan bacaan dengan sebutan yang jelas, lancar, tekanan suara dan intonasi yang betul serta memberi respons mengikut situasi tertentu.

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
MENULIS	1	Menyalin dan menulis huruf hijaiyyah yang difokuskan dengan betul.
	2	Menulis dan menyambung huruf hijaiyyah yang difokuskan dengan betul.
	3	Menyalin dan menulis perkataan, nombor dan bilangan dengan betul.
	4	Menyalin dan menulis ayat mudah dengan betul.
	5	Menulis ayat mudah dengan betul dan kemas mengikut situasi.
	6	Menulis huruf, perkataan, ayat mudah, bilangan dan nombor dengan betul mengikut situasi secara <i>imlak</i> .